


# Berita Ba UTeM

www.utem.edu.my | edisi Aidilfitri 2013



Selamat  
Hari Raya  
aidilfitri



## Majlis افطار Bersama Tun Canselor 1434H



Kakitangan HEPA  
Gotong-Royong Masak  
Babur Lambuk



## UTeM Anjur Program Ihya' Ramadhan

**4 Julai :** Bersempena dengan kedatangan Ramadhan, Pusat Islam UTeM telah menyusun pelbagai program Ihya' Ramadhan sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

Menurut Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr. Radzuan Nordin berkata, antara aktiviti utama yang telah dirancang bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini adalah majlis tazkirah, tadarus dan khatam al-Quran, iftar serta solat sunat terawih melibatkan semua warga kerja dan pelajar UTeM bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar di sini.

"Program yang disusun ini akan melibatkan semua warga UTeM termasuk pelajar yang akan memberikan fokus kepada pengisian berbentuk ilmiah dan rohani," katanya.

"Seperti tahun terdahulu, program memasak dan mengedarkan bubur lambuk oleh warga UTeM dan majlis iftar akan diadakan pada tahun ini. Pihak universiti juga akan menganjurkan majlis iftar bersama Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM" ujar beliau lagi.

Tazkirah pada waktu Zohor akan turut diadakan dengan menampilkan beberapa tokoh daripada Pengurusan Tertinggi universiti dan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dijadualkan menyampaikan tazkirah tersebut.

Tambah Dr. Radzuan, pada sebelah malamnya akan diadakan solat sunat tarawikh berjemaah diikuti program qiamullail pada 10 malam terakhir dalam bulan Ramadhan. Pihak universiti turut menyediakan kaunter pembayaran zakat fitrah di Masjid Sayyidina Abu Bakar..

Justeru, beliau mengharapkan warga UTeM dan umat Islam di kawasan berhampiran akan turut sama mengimarahkan program ini yang menjanjikan ganjaran dan keberkatan.

## Kandungan

UTeM Anjur Program Ihya Ramadhan .....	02
Majlis Iftar Bersama Tun Canselor 1434H .....	03
Warga Pejabat Canselor Rai Anak Yatim Dan Fakir Miskin .....	04
Kolej Kediaman Murni Anjur Program Ramadhan Bersama Masyarakat Mahasiswa Rai Anak-Anak Yatim Jasin .....	05
Kakitangan HEPA Gotong-royong Masak Bubur Lambuk FKE Meriahkan Sambutan Ramadhan .....	06
Ucapan Pengurusan Tertinggi .....	07
Ucapan Dekan-Dekan Fakulti .....	09
Ucapan Ketua Jabatan .....	11
Ucapan Pemimpin Persatuan .....	14

# Majlis Iftar

## Bersama Tun Canselor 1434H

**24 Julai :** UTeM hari ini menganjurkan majlis Iftar bersama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Tun Mohd Khalil yang juga Canselor UTeM berkenan meluangkan masa bersama warga universiti dan golongan kurang berkemampuan dan anak-anak yatim sebelum majlis itu bermula.

Menurut Naib Canselor, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui berkata, penganjuran program itu adalah untuk merapatkan hubungan ukhwah sesama muslim serta meningkatkan penghayatan tentang hikmah dan kebesaran bulan Ramadhan kepada seluruh warga universiti.

“Majlis seperti ini berperanan sebagai medium ataupun saluran kepada UTeM untuk menyalurkan bantuan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan di bulan yang penuh keberkatan ini,” jelasnya.

Katanya lagi, Pusat Islam UTeM telah memainkan peranan mengumpul dana yang disumbangkan oleh persatuan dan kelab serta orang perseorangan untuk disalurkan kepada penerima.

Pada majlis tersebut, Tun Mohd Khalil telah menyerahkan sumbangan kepada mahasiswa UTeM yang tergolong dalam keluarga kurang berkemampuan, anak-anak yatim dari kalangan anak staf serta ibu-ibu tunggal sekitar Durian Tunggal.

Turut hadir ke majlis ini ialah Pro Canselor UTeM Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), pegawai-pegawai kanan UTeM serta pemimpin-pemimpin persatuan di UTeM.



# WARGA PEJABAT CANSELORI

## RAI ANAK YATIM DAN FAKIR MISKIN

**19 Julai :** Seramai 20 orang anak yatim dan fakir miskin sekitar Durian Tunggal diraikan dalam satu majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh Pejabat Canselor hari ini.

Majlis tersebut diadakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar dan dihadiri oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, staf Pejabat Canselor dan ahli keluarga, pelajar-pelajar serta masyarakat di sekitar Kampus Induk UTeM.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui berkata, penganjuran majlis itu merupakan sebahagian daripada pengisian aktiviti dalam bulan Ramadan yang dirancang oleh warga kerja Pejabat Canselor. "Kesempatan di bulan Ramadan digunakan sepenuhnya untuk mendekati komuniti dan anak-anak ini diraikan dengan harapan dapat meningkatkan motivasi mereka untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau menambah, sumbangan yang dihulur bertujuan meringankan beban keluarga dalam menyediakan keperluan untuk menyambut hari raya yang bakal tiba tidak lama lagi.

"UTeM sentiasa menyantung tinggi inisiatif yang ditunjukkan oleh warga universiti dalam memberikan khidmat kepada komuniti dan usaha murni sebegini wajar diteruskan bagi membangkitkan semangat mereka untuk berusaha ke arah kejayaan," kata beliau lagi.

Dr. Ahmad Yusof kemudiannya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan fakir miskin serta meluangkan masa beramah mesra dengan ahli keluarga staf yang hadir.

Pada majlis tersebut, turut diadakan sesi tazkirah yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) UTeM, Abdul Rahim Ibrahim dengan tajuk "Keberkatan Ramadan".



# KOLEJ KEDIAMAN MURNI ANJUR *Program Ramadhan* BERSAMA MASYARAKAT



**24 Julai :** Meskipun kebanyakan mahasiswa sedang bercuti semester, namun suasana Kolej Kediaman Murni tidak sunyi daripada sebarang aktiviti kerohanian sempena bulan Ramadhan.

Kolej Kediaman Murni yang terletak di Bukit Beruang diserikan dengan pelbagai aktiviti melibatkan masyarakat setempat yang dianjurkan sendiri oleh mahasiswa yang menginap di kolej tersebut.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Murni, Al Amin Hj Mohamed Sultan berkata, aktiviti di kolej kediaman itu sangat penting kerana ianya merupakan pusat pendidikan kedua bagi mahasiswa selain pembelajaran teras di kampus.

“Mahasiswa yang tidak bercuti semester digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan yang mulia ini dan kesempatan tersebut seharusnya digunakan sebaik mungkin,” kat Al Amin ketika ditemui.

Kolej tersebut menganjurkan program berbuka puasa dan solat tarawikh bersama penduduk setempat di samping sesi tazkirah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan jemaah yang hadir.

Salah seorang mahasiswa yang terlibat dalam program tersebut, Mohd Syafwan, yang ditemui berkata, peluang mengendalikan majlis berbuka puasa memberi pengalaman baru dan melatih dirinya untuk menjadi pemimpin.

Masyarakat setempat turut memberi sokongan dengan menyumbang juadah berbuka serta mengimarahkan surau kolej dengan solat tarawikh serta aktiviti kerohanian lain.

“Meskipun bilangan mahasiswa pada waktu ini amat sedikit namun keadaan itu tidak menghalang warga kolej kediaman untuk memeriahkan sambutan Ramadhan seperti tahun-tahun sebelum ini,” kata Al Amin.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada semua individu yang telah menyalurkan pelbagai sumbangan ikhlas bagi menjayakan program anjuran penghuni Kolej Kediaman Murni.

## Rai Anak-Anak Yatim Islam Jasin

**17 Julai :** Kelab Penyayang UTeM telah menganjurkan program berbuka puasa dan bertarawih di Rumah Anak-anak Yatim Islam Jasin baru-baru ini.

Menurut Setiausaha Kelab Penyayang UTeM, Nurul Farhana Izzati Mohamad Nazri berkata, tujuan program diadakan adalah bagi menimba pengalaman serta memupuk rasa kasih sayang terhadap anak-anak yatim yang kehilangan kasih sayang ibu dan ayah.

“Ianya juga bertujuan memberi motivasi agar mereka dapat membina keyakinan, keazaman serta daya saing yang tinggi dalam diri untuk melangkah lebih jauh ke hadapan,” kata Nurul lagi.

Program dimulakan dengan sesi beramah mesra bersama anak-anak yatim sementara ahli kelab yang lain membantu di dapur bagi penyediaan juadah berbuka puasa.

Dalam majlis yang sama, kelab tersebut turut menghulurkan sumbangan kepada anak-anak yatim itu sebagai persediaan menyambut ketibaan bulan Syawal nanti.

Hadir sama Penasihat Kelab Penyayang UTeM, Syahira Mohd. Adnan serta Timbalan Yang Dipertua Pertubuhan Anak-Anak Yatim Islam Jasin, Ghaffar Mohd Yusof.

Menurut Ghaffar, Rumah Anak-anak Yatim Islam Jasin ditubuhkan pada tahun 1997 dan kini didiami seramai 35 orang yang terdiri dari pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Beliau melahirkan penghargaan dan kesyukuran di atas keprihatinan Kelab Penyayang UTeM meraikan serta memberi perangsang kepada anak-anak yatim tersebut untuk berjaya dalam pelajaran.



# Kakitangan HEPA Gotong-Royong Masak Bubur Lambuk



**12 Julai :** Bersempena dengan bulan Ramadan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan aktiviti bergotong royong menyediakan bubur lambuk untuk diedarkan kepada warga universiti dan masyarakat sekitar Kampus Induk hari ini.

Bertempat di perkarangan Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM, seramai 100 orang kakitangan HEPA terlibat dalam menyediakan bubur lambuk tersebut.

Menurut Pengurus Badan Kebajikan Pejabat HEPA, Haji Razali Abdol Jalil berkata, sebanyak dua periuk besar bubur lambuk telah dimasak oleh kakitangan HEPA dan diedarkan kepada jemaah masjid dan warga universiti.

Jelas beliau, hasil daripada gotong royong tersebut, sebanyak 1000 bungkus bubur lambuk telah diedarkan kepada kakitangan dan pelajar UTeM serta penduduk sekitar kampus.

Turut diadakan majlis berbuka puasa pada sebelah petangnya yang dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid serta kakitangan terlibat dan ahli keluarga, pelajar-pelajar UTeM serta masyarakat sekitar Durian Tunggal.

Pejabat HEPA merupakan jabatan kedua selepas Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dalam program menyediakan bubur lambuk untuk dibuat secara giliran oleh jabatan dan fakulti di UTeM sempena bulan Ramadan.

## Fakulti Kejuruteraan Elektrik Meriahkan Sambutan Ramadhan



**22 Julai :** Tradisi gotong royong memasak bubur lambuk sempena bulan Ramadhan di UTeM diteruskan dengan penglibatan warga kerja dari pelbagai jabatan.

Terbaru, warga Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berganding tenaga menyediakan bubur lambuk untuk diedarkan kepada kakitangan, pelajar dan penduduk sekitar Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal.

Dekan FKE, Prof. Madya Dr. Zulkifilie Ibrahim ketika ditemui sewaktu aktiviti itu berkata, penyediaan bubur lambuk oleh

fakultinya melibatkan 30 orang kakitangan terdiri daripada staf pentadbiran dan pensyarah.

"Kali ini kami menyediakan bubur lambuk dengan resepi istimewa dan kerjasama sebegini amat diharapkan dalam kalangan warga fakulti lebih-lebih lagi menjayakan aktiviti amal dalam bulan Ramadhan," kata Dr. Zulkifilie.


Jelasnya lagi, semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh warga kerja fakulti itu patut diberi pujian kerana segala tugas dilaksanakan dengan teratur dan mengikut perancangan.

Selain aktiviti memasak dan mengedarkan bubur lambuk, fakulti tersebut turut mengadakan perjumpaan bersama pelajar dalam program ceramah motivasi yang diadakan pada sebelah petangnya.

Majlis berbuka puasa bersama warga fakulti dan ahli keluarga kemudiannya diadakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar dihadiri lebih 100 orang staf dan ahli keluarga serta mahasiswa dan penduduk sekitar Durian Tunggal.

Dr. Zulkifilie turut melahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat sepanjang program itu berlangsung hingga selesai solat tarawikh dan berharap jalinan kerjasama erat di antara warga fakulti diteruskan demi kemajuan fakulti.

# Ucapan Pengurusan Tertinggi



Sesungguhnya semua manusia itu tidak pernah terlepas daripada melakukan kesilapan. Oleh itu, dibulan yang mulia ini, saya memanjangkan sepuluh jari memohon maaf sekiranya ada salah dan silap yang tidak disengajakan. Semoga Hari Raya kali ini menjadi jambatan kemaafan antara kita sesama manusia. Semoga kemaafan itu terus hadir demi memperbaiki hubungan kita semasa manusia dan hubungan kita bersama Allah S.W.T. Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin.

**DATUK IR. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**



Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua staf dan mahasiswa UTeM. Semoga Aidilfitri akan membawa cahaya kegembiraan di dalam hidup kita semua. Walaupun Syawal datang hanya setahun sekali, sambutlah ia dengan erti yang tersendiri. Teruskanlah amalan bermaafan sesama insan dan sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan supaya sinar kegembiraan sambutan Aidilfitri ini dapat dikongsi bersama. Rancanglah perbelanjaan dengan penuh hemat dan bijaksana supaya tidak berlaku pembaziran yang akhirnya akan merugikan diri sendiri.

Bulan Ramadhan bulan rahmat,  
Nafsu dikawal syaitan diikat,  
Perhambakan diri semua berkat,  
Agar diri beroleh manfaat.

Aidilfitri hari kemenangan,  
Kejayaan menempuh halangan,  
Mengenali erti kesenangan,  
Bagi mereka yang kekurangan.

**PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB@SAHIBUDDIN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillah hil Hamd



Pertamanya, berbanyak ucapan tahmid dipanjangkan ke hadrat Allah SWT di atas selesainya tanggungjawab sebulan kita melaksanakan ibadah puasa dalam satu perjalanan mentarbiyyah rohani dan menguji fizikal kita sebagai umat Islam di muka bumi Allah SWT ini.

Maka, dengan tibanya fajar Syawal yang mulia, umat Islam hari ini dengan penuh rasa kesyukuran menyambut satu kemenangan mujahadah yang tertinggi pengertiannya seperti yang disifatkan oleh Rasulullah SAW yakni jihad melawan nafsu, berjaya melaksanakan suruhan Allah SWT dan menghindar sebarang laranganNya dan bertaqwa dalam erti kata yang sebenar & menyeluruh.

Saya mendoakan agar semua warga UTeM selamat pulang ke kampung dan selamat kembali menjalankan tugas dengan penuh motivasi hasil dari ibadah yang sempurna telah kita lakukan. Gunakanlah kesempatan yang ada ini untuk meraih Aidilfitri bersama mereka yang tersayang, khususnya ibu bapa dan keluarga tercinta. Rancanglah perjalanan balik kampung dan mengunjungi sanak-saudara semua dengan selamat.

Akhir kata, saya dengan rasa kerendahan hati bagi pihak diri, isteri, anak-anak dan seisi keluarga mengambil kesempatan ini menyusun jari nan sepuluh memohon kemaafan zahir dan batin atas apa jua kesalahan mahupun kekhilafan yang dilakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Mudah-mudahan Allah SWT menerima segala amalan kita di bulan Ramadan yang berakah ini. Amin.

**PROFESOR DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
NAIB CANSELOR**



Kini Syawal menjelma hari kemenangan dan hari kembali kepada fitrah, salam dihulur erat silaturahim. Di kesempatan ini saya sekeluarga dan staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri dan saling bermaafan kepada semua warga UTeM walau di mana berada. Semoga beroleh kegembiraan dan kebahagiaan Aidilfitri bersama keluarga juga sahabat handai di kota mahupun di desa permai. Kepada perantau berhati-hati ketika memandu didoakan keselamatan sepanjang perjalanan.

**SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR BATIN.**

Gelak ketawa sopan dan santun  
Sungai disusur sehari-hari  
Takbir Raya hari bahagia Dalam gelap menangkap ikan  
Orang kita suka berpantun Saya menyusun sepuluh jari  
Di Hari Raya moga bergembira  
Salah dan silap harap maafkan

**PROF. IR. DR. MOHD JAILANI BIN MOHD NOR  
TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**



Syukur alhamdulillah atas limpah rahmat dan ehsanNya jua dapat kita menjalani ibadah puasa pada tahun ini. InsyaAllah tidak berapa lama lagi kita akan menyambut hari raya Aidilfitri setelah sebulan bermujahadah melawan nafsu. Mudah-mudahan menjelang 1 syawal nanti kita akan kembali kepada fitrah insani yang lebih mulia serta menjadi lebih akrab dalam jalinan ukhuwah sesama kita. Pada kesempatan ini saya bagi pihak seluruh warga Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) ingin memohon maaf zahir dan batin sekiranya terdapat keterlanjuran cara dan bicara serta mengucapkan selamat menyambut hari raya aidilfitri kepada seluruh warga UTeM.

Cincin disarung hati berdebar,  
Jelingan manja wajah berseri;  
Ramadhan dirai ikhlas dan sabar,  
Di Aidilfitri ukhuwah bersemi.

**PROF. MADYA DR. IZAIN BIN ABDUL MAJID  
TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**



Sebagai manusia biasa, kita tidak sempurna dan selalu melakukan kesalahan serta kesilapan. Kesempatan yang ada sempena Idul Fitri ini, Saya memohon kemaafan andai ada salah silap dan terlanjur bicara. Tiada yang lebih diharapkan selain mendapat kemaafan daripada anda semua. Itulah antara tanda kemenangan di Idul Fitri ini dan ia sungguh membahagikan, Insya Allah.

**DATUK HASAN BIN SIRUN  
PENDAFTAR**

Aidilfitri hari kemaafan  
Menghapus kesalahan sesama insan  
Marilah kita menjalin perpaduan sesama insan  
Demi mengikat tali keakraban

Cincin disarung hati berdebar  
Jarinan lembut wajah terhias  
Ramadan disambut penuh sabar  
Aidilfitri disambut dengan meriah

Saidina Affan menyusun kata  
Tutur peri yang aulia  
Maaf-bermaafan sesama kita  
Di Aidilfitri yang mulia

Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin



**PROF DR. MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL  
PENOLONG NAIB CANSELOR  
(JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)**



Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin" kepada semua staf UTeM. Semoga Hari Raya kali ini disambut dengan penuh meriah bersama keluarga tercinta. Sekian, salam lebaran daripada saya dan keluarga.

Sungai disusur sehari-hari,  
Dalam gelap menangkap ikan,  
Saya menyusun sepuluh jari,  
Salah dan silap harap maafkan

**KHAIRUL BIN TAIB  
BENDAHARI**



Dengan sayu dan sedih bulan yang indah penuh barakah dan keampunan akan berlalu pergi meninggalkan kita. Berkumandang laungan takbir dan tahmid di ruang udara bakal menyajikan kemenangan hakiki kerana tiada kemenangan tanpa zikrullah, tiada amal tanpa keikhlasan.

Semoga hari-hari yang kita lalui dengan kejernihan jiwa mencintai Illahi menyusun langkah penuh kesyukuran dan senyuman. Kelmarin adalah kenangan, mungkin dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata, terkasar bahasa tersilap bicara. Dalam gurau senda kita ada tertanya tak tentu hala, termarah pada yang tak kena kerana saya adalah manusia biasa.

Jari disusun, tangan ku hulurkan maaf dipinta dari saya dan seisi keluarga di atas segala kekhilafan dan kesilapan di sepanjang perjalanan dan pertemuan ini. Dengan setulus hati saya seisi keluarga serta seluruh warga kerja perpustakaan mengucapkan SELAMAT IDUL FITRI, MOHON MAAF LAHIR & BATIN. Taqabbalallahu minna wa minkum, shiyamana wa shiyamakum. Ja'alanallahu minal aidin wal faizin"

**FARIDAH BINTI HJ MD AMIN  
KETUA PUSTAKAWAN**

# Ucapan Dekan



Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga Aidilfitri ini membawa seribu makna dan pengertian serta kemenangan kepada kita sebagai umat Islam.

Anak-anak riang bermain mercun  
Jangan sampai terbakar tangan  
Hari raya kita berhimpun  
Hulurkan tangan memohon kemaafan

Kuih dihidang pelbagai rasa  
Enak dimakan di hari raya  
Maaf andai terkasar bahasa  
Salam Aidilfitri untuk semua

**DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN**  
**DEKAN**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL**



Syukur Alhamdullilah di atas segala nikmat dan keberkatan yang diberi kerana dengan limpah izin jua dariNYA, maka kita berkesempatan bertemu lagi bulan yang mulia ini.

Semoga kita dapat bersama-sama dapat menghayati Ramadhan dengan meningkatkan ibadah dan melaksanakan segala tanggungjawab dengan penuh rasa amanah dan bersyukur atas segala limpah rahmatNYA. Di kesempatan ini, saya dan warga Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga Aidilfitri ini membawa seribu makna dan pengertian serta kemenangan kepada kita sebagai umat Islam.

Dalam kerendahan hati, ada ketinggian budi  
Dalam kemiskinan harta, ada kekayaan jiwa  
Dalam kelembutan lidah, ada kekasaran bahasa  
Dalam gurau senda, pasti ada khilaf dan dosa

**DR. MARIANA BINTI YUSOFF**  
**DEKAN**  
**PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN**



Ramadhan datang dan pergi. Tapi setakat mana kita dapat menghayati semangat beramal yang telah dipupuk? Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin daripada saya dan warga Pusat Pengajian Siswazah.

**PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD**  
**DEKAN**  
**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua staf dan siswa/siswi UTeM terutamanya kepada warga FKEKK yang telah sama-sama membangunkan fakulti. Semoga semua amal ibadah termasuk juga amalan kerja harian dan tugas-tugas yang telah diamanahkan sepanjang bulan ramadhan ini mendapat keberkatan Allah SWT. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon kemaafan sekiranya ada salah dan silap sepanjang tempoh menerajui di fakulti. Semoga hari raya pada kali ini membawa seribu kebahagiaan kepada kita semua dan diharapkan sambutan Aidilfitri ini juga akan dapat mengeratkan ukhwah sesama kita. Akhir kata, Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM. Maaf zahir dan Batin.

**PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN**  
**DEKAN**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK**  
**DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER**



Alhamdullilah dipanjang kesyukuran ke hadrat Allah dengan limpah kurniaNya, setelah pelbagai ujian dan kesabaran yang ditempuh di dalam bulan yang mulia ini, Ramadan Al-Mubarak. Kini tibaalah masanya untuk seluruh umat Islam, meraikan hari kebesaran tanda kemenangan kita, melawan nafsu, lapar dan dahaga. Sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 1434H ini, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya ada terkasar bahasa dan perbuatan terutama kepada warga FTMK, warga UTeM, para 'stakeholders' dan semua pihak yang mengenali saya. Diharapkan jalinan utuh silaturrahim yang sentiasa terjalin sesama kita dapat dieratkan sebagai sebuah keluarga besar yang dapat mengangkat UTeM ke mercu seperti yang dihasratkan. Seterusnya diharapkan kita dapat menyambut lebaran ini dengan penuh kemeriah dan ketakwaan, bersama sanak saudara dan sahabat handai. Bagi yang pulang berhari raya di kampung, pandulah dengan cermat serta berhati-hati ketika di jalanraya, ingatlah orang yang tersayang yang sedang menunggu kita di kampung halaman.

Putih putih melati,  
Merah-merah delima,  
Hari Raya yang kita rai,  
Biarlah gembira sama-sama.

**PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI BIN ABD. GHANI**  
**DEKAN**  
**FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**



Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Salam Aidil Fitri buat semua warga UTeM khususnya kepada warga FKP. Semoga segala amalan yang dilaksanakan sepanjang Ramadhan ini mendapat rahmat dan sentiasa diberkati Allah. Di kesempatan ini juga saya memohon keampunan sekiranya terdapat sebarang kesilapan sepanjang saya menjalankan tugas sebagai Dekan FKP. Salam Aidil Fitri Al-Mubarok

**PROF. MADYA DR. RIZAL BIN SALLEH  
DEKAN  
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN**



Alhamdulillah, kita masih diberi kesempatan oleh Allah swt untuk berjumpa di Ramadhan tahun ini. Semoga kita semua telah mengambil peluang sepenuhnya bagi meningkatkan taqwa kita kepada Allah swt.

Ramadhan akan pergi meninggalkan kita dan In sha Allah, Syawal akan menjelma pula. Oleh itu sambutlah Syawal dengan penuh kesyukuran dan bermaaf-maafan di antara kita bagi mengikatkan tali silaturahim sesama insan.

Sempena Syawal tahun ini, saya berserta keluarga dan seluruh warga FTK mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan Maaf Zahir Batin.

Lemah Lembut Si Tuan Puteri  
Berkain Cindai Cantik Menawan  
Kami Menyusun Sepuluh Jari  
Salah Dan Silap Harap Maafkan

**PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF  
DEKAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN**



Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua warga UTeM dan keluarga masing-masing. Maaf Zahir dan Batin serta iringan doa agar kita semua dikurniakan olehNya dengan umur yang panjang, dimurahkan rezeki dengan kesihatan yang terbaik. Semoga kita dapat bertemu dengan Ramadhan pada tahun akan datang.

Secangkir air pengubat dahaga  
Pelbagai kuih sajian dimakan  
Sempena raya berkumpul sekeluarga  
Jangan lupa kepada yang memerlukan

**PROF. MADYA DR. MD. NOR HAYATI BIN TAHIR  
DEKAN  
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN  
TEKNOUSAHAWANAN**

Sebulan genap kita berpuasa,  
Semoga digolongkan pada orang berjaya,  
Diperintah sudah oleh Yang Berkuasa,  
Sesudah berpuasa kita beraya  
Cincin disarung hati berdebar  
Jarinan lembut wajah terhias  
Ramadan disambut penuh sabar  
Aidilfitri disambut dengan meriah  
Tanpa mengira miskin kaya,  
Pangkat kedudukan hamba bernyawa,  
Sama-sama menyambut raya,  
Maaf-maafan di hari bahagia.



**PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM  
DEKAN  
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK**

# Ucapan Pengarah



Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM di mana jua anda berada. Saya mewakili warga kerja Pejabat Pembangunan memohon maaf zahir dan batin serta mendoakan semoga anda sentiasa beroleh kebahagiaan dan kesejahteraan sepanjang bulan mulia ini.

**LAr. ABDUL WAHAB BIN HARUN  
PENGARAH  
PEJABAT PEMBANGUNAN**



Ramadhan al-Mubarak telah pergi meninggalkan kita, proses pentarbiyan yang dilalui selama sebulan ini, telah memberi banyak keberkatan kepada kita semua. Saya percaya ramai di kalangan kita bersungguh-sungguh untuk menjalani proses pentarbiyan ini, namun ianya harus berterusan. Moga-moga Ramadhan al-Mubarak yang baru sahaja berlalu ini dapat mendidik diri kita menjadi orang yang bertaqwa disisi Allah S.W.T.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan "Eid Mubarak" kepada seluruh warga UTeM. Marilah kita sama-sama bermaaf-maafan dan menjadikan Syawal ini sebagai titik tolak kepada penyuburan silaturrahim bagi sebuah keluarga besar yang saling bekerjasama untuk menjayakan misi dan visi universiti.

Ramadhan bakal beransur pergi,  
Syawal menjelma di Eidul Fitri,  
Seikhlas hati menyusun jari,  
Memohon dimaaf kekhilafan diri.

**MOHD ISA BIN MOHD DOM  
PENGARAH PUSAT KOMPUTER**



Assalamu'alaikum w.b.t,  
Alhamdulillah kita dipanjangkan umur dan  
di dalam keamanan untuk menyambut Eidul Fitri sekali lagi. Pada kesempatan ini, saya  
mohon maaf zahir dan batin. Saya berdoa  
kepada Allah s.w.t. supaya kita semua dapat  
menyambut Eidul Fitri ini dengan penuh  
kegembiraan dan kesyukuran, di samping tidak melupakan  
mereka yang memerlukan serta mereka yang telah pergi  
meninggalkan kita.

Eid Mubarak.  
Maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UTeM.

**PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI  
PENGARAH  
PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI**

Mengharap rahmah dan maghfirah llahi,  
Sebulan Ramadan mesra didakapi;  
1 Syawal semakin menghampiri,  
Seribu syukur dan keriangan di Aidil Fitri.

Tangan jauh tak dapat berjabat,  
Lisan dizahir tidak terucap;  
Hati berkata tak dapat disekat,  
Utusan tinta pengganti ditatap.

Putih metah si bunga melati,  
Tumbuh merimbun menawan hati;  
Maaf dipohon setulus hati,  
Selamat Menyambut Aidil Fitri



Saya mewakili warga PPP mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri serta Maaf Zahir dan Batin kepada YBhg Prof Datuk Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai Pengurusan Tertinggi, Pegawai-pegawai Kanan, Ketua-ketua PTj dan semua warga UTeM. Kami juga minta dihalalkan hak yang diambil atau tidak diberikan secara adil kepada mana-mana pihak.

**PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN  
PENGARAH  
PUSAT PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**



Saya mewakili Penerbit Universiti ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada Y.Bhg Datuk Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan seluruh warga UTeM yang dikasihi. Semoga berbahagia di hari Lebaran bersama insan tersayang.

Kala Ramadhan telah pergi,  
Takbir berkumandang di Aidilfitri,  
Lapar dahaga yang kita lalui,  
Semoga berbalas pahala llahi,  
Dengan tangkupan sepuluh jari,  
Memohon maaf setulus hati,  
Ampun dipinta maaf diberi,  
Salam Aidilfitri.

**RUZIAH BINTI ALI  
PENGARAH  
PENERBIT UNIVERSITI**



Saya mewakili Pusat Islam ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga universiti. Mohon ampun dan maaf di atas apa jua kesilapan dan semoga kehadiran Syawal pada tahun ini memberi sinar baru dalam hidup kita untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Maaf zahir dan batin.

**DR. RADZUAN BIN NORDIN  
PENGARAH  
PUSAT ISLAM**



Selamat menyambut Aidilfitri kepada semua warga kerja Canselor khasnya dan juga kepada warga UTeM secara amnya. Dalam kegembiraan saya memohon maaf jika ada salah dan silap saya sepanjang saya bekerja di sini dan juga, saya doakan agar semua dapat kembali bekerja dengan selamat selepas habis cuti perayaan ini.

Bagi yang pulang jauh, berhati-hati semasa memandu, biarlah lambat asal selamat. Begitu juga yang lain, jagalah keselamatan diri sendiri dan keluarga tercinta.

**ZAINAL BIN BIDIN  
PENGARAH  
KHIDMAT PENGURUSAN, CANSELORI**



Di ambang datangnya bulan Syawal ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM. Semoga kita dapat menyambut lebaran ini dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran sebagai tanda kemenangan yang merupakan ganjaran kepada mereka yang telah taat beribadah sepanjang berada di bulan Ramadhan. Salam lebaran 1434 Hijrah.

Dingin di pergi waktu pagi  
Berkokok ayam ditengah laman  
Aidilfitri menjelma lagi  
Tamatlah ujian bagi yang beriman

Sebulan genap kita berpuasa  
Semoga digolongkan pada orang berjaya  
Diperintah sudah oleh Yang Berkuasa  
Sesudah berpuasa kita beraya

**PROF. DR. KHAIRUL BAHAREIN BIN MOHD NOOR  
PENGARAH  
PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN  
PEMBELAJARAN BERTERUSAN**



Di kesempatan ini, saya ucapan Selamat Hari Raya dan Maaf Zahir Batin kepada semua warga UTeM. Semoga kita telah melakukan yang terbaik sepanjang Ramadhan ini, dan dipanjangkan umur untuk bertemu dengan Ramadhan yang akan datang. Didoakan kita semua dapat menyambut Syawal dengan bahagia di samping keluarga, sanak-saudara juga sahabat handai. Juga didoakan keselamatan di jalan raya dan kesihatan semua. InsyaAllah kembali ceria untuk kita teruskan sumbangan di UTeM selepas bercuti.

**PROF. MADYA DR. JARIAH BINTI MOHAMAD JOOI  
PENGARAH  
PEJABAT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK**



Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ditujukan khas kepada semua pegawai kanan, warga CRIM, warga penyelidikan dan seluruh warga UTeM. Moga silaturahim berkekalan dan segala amalan diberkati Allah S.W.T

Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,  
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,  
Dalam kelembutan lidah ada juga keterlanjuran kata,  
Dalam gurau & senda tentu ada khilaf & dosa.  
Mohon ampun & maaf di atas segalanya...

**PROF. MADYA DR. AZIZAH SHAABAN  
PENGARAH  
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI**



Bersempena kedatangan Syawal yang mulia ini, marilah kita perkukuhkan ikatan persaudaraan sesama warga universiti. Bermaaf-maafan dan ziarah menziarahi akan meningkatkan lagi keakraban yang telah terjalin erat selama ini.

Salam Aidilfitri daripada saya kepada seluruh warga UTeM, mohon keampunan atas segala salah dan silap. Berhati-hati di jalanraya dan sambutlah Aidilfitri dengan penuh kesyukuran.

**MOHD AMIN BIN MOHAMAD  
PENGARAH  
PUSAT BIMBINGAN KERJAYA & KEBOLEHPASARAN**



Saya mewakili sekalian staf keselamatan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Semoga perayaan Aidilfitri ini memberi kesempatan kepada kita memperkuatkhan silaturrahim yang tersedia terjalin. Kepada yang akan pulang ke kampung halaman bagi menyambut Hari Raya saya nasihatkan berhati-hatilah ketika memandu dan amalkan konsep bertimbang rasa dan bersopan santun ketika di jalan raya dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Keselamatan adalah tanggungjawab kita bersama. Oleh yang demikian, sila pastikan keadaan pejabat sentiasa dalam keadaan selamat dan elakkan daripada berlakunya pembaziran elektrik sebelum pulang ke kampung halaman. Saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

Aidilfitri hari kemaafan,  
Bermaaf-maafan sesama insan,  
Memupuk perpaduan sesama insan,  
Mengukuhkan tali keakraban.

**AFFINDI BIN ABU BAKAR  
PENGARAH  
PEJABAT KESELAMATAN**

Mendayung sampan mengail ikan  
untuk hidangan berbuka puasa  
Salah dan silap harap dimaafkan  
Moga direstu Yang Maha Esa

Juadah enak si ikan bawal  
dimakan bersama si ikan patin  
Setulus ingatan di bulan Syawal  
mohon maaf zahir dan batin

Mencari juadah hingga ke pekan  
berbuka puasa di atas hamparan  
Salam Aidilfitri kami ucapan  
moga dirai penuh kesyukuran

Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin



**FAZIDAH BINTI ITHNIN**  
**PENGARAH**  
**PEJABAT PERANCANGAN DAN**  
**KOMUNIKASI KORPORAT**



Saya mewakili warga PSTP Julung kalinya  
ingin mengucapkan Selamat Hari Raya  
Aidilfitri Maaf Zahir & Batin kepada seluruh  
warga Utem. Semoga Aidilfitri ini membawa  
cahaya kebahagiaan & keinsafan dalam diri  
kita.

Takbir bergema di dini hari  
Tanda sebulan kita berpuasa  
Bersyukurlah kita kehadrat ilahi  
Beroleh kemenangan beribadah puasa

Ceria suasana api pelita  
Kanak-kanak keriangan di depan tangga  
Salam Aidilfitri dipinta  
Dari kami PSTP sekeluarga

**PROF. MADYA DR. SAZILAH BINTI SALAM**  
**PENGARAH**  
**PUSAT SUMBER & TEKNOLOGI PENGAJARAN**



Saya mewakili keluarga dan warga PKKP  
mengucapkan Selamat Menyambut  
Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin kepada  
seluruh warga UTeM. Semoga kita kembali  
kepada fitrahNYA.

Biar hati sejernih air, jangan pula dipenuhi lumpur, kalau  
salah kami belum berakhir, diharap diampun dengan rasa  
bersyukur.

**AZWAN BIN AZIZ**  
**PENGARAH**  
**PEJABAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**



Bersempena menyambut kedatangan  
bulan Syawal yang akan tiba, di  
kesempatan ini ingin saya memohon  
maaf terutama kepada Y. Bhg. Datuk  
Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa) dan Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) serta seluruh warga  
UTeM andai terdapat kekhilafan diri yang menyenggung  
perasaan semua.

Sejalan dengan berlalunya Ramadan tahun ini,  
Kemenangan akan kita gapai,  
Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,  
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,  
Dalam kesempitan hidup ada keluasan ilmu,  
Hidup ini indah jika segalanya kerana Allah S.W.T.

Akhir kata, Selamat Hari Raya Aidilfitri 1434H  
Taqobalallahu Minna Wa Minkum  
Mohon maaf lahir dan batin

**PROF. DR. NANNA SURYANA HERMAN**  
**PENGARAH**  
**PEJABAT ANTARABANGSA**

Takbir bergema di hening pagi  
Memohon keampunan ke hadrat Ilahi  
Kini syawal menjelma lagi  
Dengan ucapan Salam Aidilfitri

Ayam kampung dimasak kari  
Sungguh enak bila dimakan  
Mari menyusun sepuluh jari  
Salah dan silap harap maafkan

Pergi berkelah di Gunung Jerai  
Berkelah bersama dengan kenalan  
Ikatan persahabatan jangan terlerai  
Ukhwah dibina mogah berkekalan



**AZHAR BIN MOHAMED**  
**PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

# Pemimpin

# Ucapan Persatuan



Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada warga UTeM yang pulang ke kampung supaya berhati-hati ketika memandu dan pastikan keluarga kita selamat sampai ke destinasi yang dituju. Jangan jadikan hari gembira ini menjadi hari berduka-cita untuk kaum keluarga kita.

Saya bagi pihak Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM), ingin mengucapkan Salam Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga kita diberikan keberkatan dan kesejahteraan oleh Allah S.W.T, agar kita berpeluang menemui sinar Ramadan dan Syawal di tahun-tahun mendatang.

**JAMAL NASIR BIN HJ. ABD. WAHAB**

**PRESIDEN**

**KESATUAN KAKITANGAN AM UTeM (KEKUTeM)**



Bulan Ramadhan yang penuh hikmah telah berlalu, Semoga menitis ke shawal salam lebaran baru. Alhamdulillah. Di ruangan istimewa ini, saya ingin mengambil kesempatan menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf bagi pihak diri saya dan seluruh kepimpinan MPPUTeM sekiranya ada salah dan silap sepanjang memberikan khidmat bakti kepada semua warga universiti khususnya siswa/i UTeM. Sesungguhnya dengan kemampuan fizikal dan mental, kami telah berusaha untuk menunaikan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh bijaksana serta dedikasi demi pembangunan siswa/i dan kegemilangan universiti ini.

Terima Kasih kepada seluruh kepimpinan MPPUTeM 12/13, siswa/i UTeM dan pihak pengurusan UTeM yang sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh di setiap perbincangan, komunikasi dan pelaksanaan sepanjang khidmat ini berlangsung.

Minalaidinwalfaizin, Semoga di hari raya yang bahagia ini akan menguatkan lagi silaturrahim sesama kita dan tidak lupa tanggungjawab kita terhadap agama, bangsa dan negara . Akhir kalam, salam dihulur dan maaf dipinta menghapus dosa-dosa lalu. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI , MAAF ZAHIR & BATIN dari Warga Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka Sesi 2012/13

**MUHAMAD NOOR RUSHDAN BIN ABDULLAH**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**



Hari kemenangan kepada umat Islam yang berjaya mengharungi tarbiah Ramadhan bakal datang lagi 1 Syawal Aidil Fitri. Hakikatnya kita wajib bersyukur kerana masih berpeluang merasai nikmat bulan Ramadhan kali ini. Ada di kalangan warga AUTeM mahupun UTeM dikhabarkan sudah pergi dahulu menemui pencipta. Takziah diucapkan dan sama-sama lah kita hadiahkan Al-Fatihah sebagai hadiah paling ditunggu oleh mereka.

Harapan saya semoga kita bersama berjaya menundukkan nafsu dan sekaligus jiwa kita dibersihkan dengan ibadah sepanjang tarbiah Ramadhan. 1 Syawal yang datang memberi peluang kepada kita untuk saling bermanfaat dan mengeratkan silaturahim.

Ramai dari kita pasti memilih untuk meraikannya dengan sanak saudara dan ahli kelaurga. Pesan saya, sentiasa berhati-hatilah ketika memandu dan berwaspada sepanjang masa ketika berada di jalanraya. Ingatan untuk diri, warga AUTeM dan UTeM agar sering ingat tak lari kampung dikejar.

Biarlah kita sedikit lambat tetapi tiba ke destinasi dalam keadaan selamat. Mewakili barisan Pengurusan Tertinggi dan warga kerja AUTeM, saya serta isteri mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan memohon kemaafan sepanjang perkenalan kita.

**MOHD RAHSHIDI BIN ZAKARIA**

**PRESIDEN**

**PERSATUAN ALUMNI UTeM (AUTeM)**



Segala puji – pujian bagi Allah S.W.T. Rabb Sekelian Alam, Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad S.A.W., para keluarga dan sahabat baginda. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada ahli jawatankuasa dan ahli Puspanita Cawangan UTeM serta semua warga UTeM yang dirahmati Allah S.W.T. Marilah kita sama – sama menyambut kedatangan 1 Syawal 1434H dengan penuh rasa setinggi – tinggi kesyukuran di atas nikmat kesihatan, keselamatan dan kemurniaan jiwa yang Allah S.W.T. anugerahkan kepada kita sepanjang beribadah di Bulan Ramadhan yang penuh keberkatan.

Kegembiraan dan keriangan yang di rasai sepanjang menyambut Syawal patutlah di syukuri dengan penerusan ketaatan kepada perintah – perintah Allah S.W.T. dan manjauhi laranganNya agar menjadi hamba yang benar- benar beriman dan bertakwa.

**DATIN SARA BINTI AYUB  
PENGURUSI  
PUSPANITA CAWANGAN UTeM**



Aidilfitri datang lagi, saya ucapan kepada semua ahli BAKUTeM. Semoga Syawal kali ini akan memberi seribu pengertian dan kenangan manis untuk semua. Ketika bergembira, jangan sesekali terlupa pada yang lebih memerlukan, hulurkan sedekah dan sumbangan agar rezeki yang ada dapat dikongsi bersama. Aidilfitri kali ini juga boleh dijadikan permulaan untuk berkongsi kebaikan sesama insan, dan jika ada yang keruh, buanglah dan ambillah yang jernih. Semoga selepas ini, kita akan kembali ke UTeM sebagai insan yang bersih dan tulus hati.

Selamat Aidilfitri

**ZAINAL BIDIN  
PENGURUSI  
BADAN KEBAJIKAN STAF UTeM (BAKUTeM)**



Bersempena Syawal 1434H, marilah kita memperbaharui azam dan tekad untuk membantu tumpuk kepimpinan Pengurusan Tertinggi UTeM untuk membawa universiti ini ke puncak kegemilangan dan kecemerlangan. Universiti sebagai menara gading adalah medan pertemuan pelbagai disiplin ilmu untuk dikembangkan bagi kemajuan sejagat. Perkembangan, pembangunan dan kemajuan hanya akan dicapai sekiranya kita semua bersatu di atas landasan perpaduan dan persaudaraan. Di bulan penuh kemuliaan ini, marilah kita bermaaf-maafan di antara satu sama lain dengan penuh keinsafan dan kesedaran. Sengketa kita redakan, yang renggang kita rapatkan, yang jauh kita dekatkan dan yang lepas kita lupakan.

Lampu mengelip di setiap tiang,  
Pelita tersusun di atas para;  
Lebaran meriah disambut riang,  
Harmoni terjalin kasih dan mesra

Ketupat rendang kuih bahulu,  
Di atas meja tersusun rapi;  
Ramadhan berlalu Syawal bertamu,  
Mesra kasih di Aidilfitri

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin

**SYAHIRA BINTI MOHD ADNAN  
PRESIDEN  
PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS (PRAKTIS)**

*Salam  
Riau*



IKHLAS DARIPADA:

PEJABAT PERANCANGAN & KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA